




e-LEARNING

PERAKAUNAN AKRUAN

Knowledge Management
PPPA

Bil 02/2012



MPSAS

PENGUMUMAN

- Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Malaysia pada masa ini adalah disediakan mengikut kehendak **Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957**, Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standards (IPSAS) – Financial Reporting Under The Cash Basis of Accounting*.
- Transformasi Sistem Perakaunan Kerajaan Persekutuan daripada **Asas Tunai** kepada **Asas Akruan** pada tahun **2015** akan menggunakan piawaian yang diadaptasi sepenuhnya daripada **IPSAS Asas Akruan** dalam penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan.
- Piawaian perakaunan ini akan dinamakan **Malaysian Public Sector Accounting Standards – MPSAS**.
- Bagi menyelia penggubalan MPSAS, satu jawatankuasa khas – **Government Accounting Standards Advisory Committee (GASAC)** telah ditubuhkan.

APA ITU MALAYSIA PUBLIC SECTOR ACCOUNTING STANDARDS (MPSAS)?

Merupakan satu set piawaian perakaunan yang disediakan khusus untuk perakaunan sektor awam kerajaan Malaysia.

Menerangkan secara terperinci berkenaan **definasi**, **pengiktirafan**, **penilaian** serta kaedah **persembahan** sesuatu instrumen, bahan dan aktiviti kewangan negara.

MPSAS yang dikeluarkan akan memberi garis panduan menyeluruh untuk perkara berkaitan penyata kewangan, aliran tunai, aset, liabiliti, hasil, perbelanjaan dan juga ekuiti.

Penggubalan MPSAS akan menggunakan IPSAS sebagai asas utama.



PERANAN GASAC

- *Government Accounting Standards Advisory Committee (GASAC)* atau Jawatankuasa Polisi dan Piaawaian Perakaunan Akruan telah ditubuhkan pada September 2011.
- GASAC dianggotai oleh ahli yang terpilih dari kalangan Akauntan Kanan Sektor Awam, Jabatan Audit Negara, Bendahari Negeri, Badan Berkanun, Badan Profesional, serta ahli akademik dari Universiti Tempatan.
- Antara peranan utama GASAC adalah:
 - Menyemak dan memperaku Polisi Perakaunan kepada Jawatankuasa Pemandu Perakaunan Akruan (JPPA) untuk kelulusan;
 - Menyemak dan memperaku Piaawaian Perakaunan kepada JPPA untuk kelulusan;
 - Mengkaji semula dan menyemak cadangan pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan, Akta Prosedur Kewangan dan lain-lain akta;
 - Mematuhi keperluan IPSAS di bawah Dasar Perakaunan Akruan.
- GASAC memainkan peranan penting dalam penggubalan MPSAS.



PROSES PENGGUBALAN MPSAS



STATUS MPSAS

MPSAS YANG TELAH DILULUSKAN

(Sehingga 30 Nov 2012)

MPSAS 1 *Presentation of Financial Statements*

MPSAS 2 *Cash Flow Statements*

MPSAS YANG TELAH DIGUBAL

(Sehingga 30 Nov 2012)

ED MPSAS 3 *Accounting Policies, Changes In Accounting Estimates and Errors*

ED MPSAS 4 *The Effects of Changes in Foreign Exchange Rates*

ED MPSAS 9 *Revenue From Exchange Transactions*

ED MPSAS 12 *Inventories*

ED MPSAS 17 *Property, Plant and Equipment*

ED MPSAS 23 *Revenue From Non-Exchange Transactions*

ED MPSAS 24 *Presentation of Budget Information in Financial Statements*